

12/07/2000

Al-Ma'unah tiada pedoman hidup

MOTIF Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) yang mencuri senjata api dari Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik sebelum berkubu di Bukit Jenalek, Sauk, Kuala Kangsar, baru-baru ini, sudah jelas. Mereka mahu menggulingkan kerajaan secara kekerasan tanpa memikirkan tindakan itu satu jenayah yang boleh mengorbankan banyak nyawa.

Nyata, dengan sendirinya persoalan mengapa mereka merompak senjata di kem berkenaan sudah pun terjawab. Pasti, dalam perancangan ketua kumpulan itu, Mohd Amin Mohd Razali, senjata berkenaan akan digunakan untuk melakukan beberapa siri jenayah baru.

Sekiranya anggota kumpulan itu gagal dikesan tempoh hari, sudah tentulah perancangan mereka seterusnya ialah menyerbu tempat tertentu, menahan tebusan dan membuat pelbagai tuntutan. Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, salah satu matlamat mereka ialah untuk menamatkan sistem pemerintahan berlandaskan demokrasi dan menggantikannya dengan sebuah kerajaan yang dipimpin oleh kumpulan yang mengamalkan ilmu kebatinan dan sanggup membunuh sesama manusia. Tindakan mereka ini tidak sedikit pun menggambarkan ciri-ciri keislaman, sebaliknya ia hanya memberi gambaran Islam sebagai agama yang ganas dan bertindak mengikut nafsu.

Dengan bertopengkan cita-cita untuk menubuhkan sebuah negara Islam, pemimpin Al-Ma'unah sebenarnya menghasut pengikutnya supaya bersimpati dengan perjuangan mereka dan menubuhkan kerajaan dengan cara kekerasan. Apakah dengan merompak, menyeksa mangsa tebusan dengan zalim dan membunuh, kumpulan ini boleh dianggap pejuang Islam?

Tindakan seperti ini hanya boleh dilakukan oleh kumpulan yang tidak ada pedoman hidup. Apabila bercita-cita mahu menggulingkan kerajaan, mereka sebenarnya mempunyai motif politik yang tinggi. Keselamatan awam tidak pernah difikirkan oleh kumpulan ini. Oleh itu, kerajaan seharusnya menyiasat hingga ke akar umbi latar belakang setiap anggota kumpulan itu. Hari ini pun sudah ada suara sumbang yang menyokong perjuangan kumpulan itu meskipun mereka tahu kumpulan itu melakukan jenayah berat dan menggugat keselamatan serta keamanan negara.

Ketika membuat hubungan pertama melalui radio dengan pihak berkuasa, Mohd Amin menuntut supaya Perdana Menteri dan kuli-kulinya (menteri), meletakkan jawatan. Siapakah mereka sebenarnya yang berani mencabar kedaulatan undang-undang negara ini?

Mujurlah pasukan keselamatan tidak menggempur mereka tempoh hari. Sekurang-kurangnya kumpulan ini boleh mendedahkan sendiri perbuatan mereka. Jika tidak, pastinya ada pihak yang akan mengeksploitasi keadaan bagi mencetuskan satu suasana politik yang tidak sihat di negara ini.

(END)